

25 AUG 2000

DR MAHATHIR SELAMAT PULANG DARI LAWATAN KE AFRIKA DAN LONDON

SEPANG, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000 di Mozambique diikuti lawatan ke London.

Pesawat Penerbangan Malaysia dari London yang membawa Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mendarat di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada kira-kira pukul 5 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet dan pemimpin Barisan Nasional berada di lapangan terbang untuk menyambut mereka.

Selain Dr Mahathir, SAID 2000 dihadiri oleh pemimpin seperti Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Namibia Dr Sam Nujoma dan Presiden Uganda Yoweri Museveni.

Di London, Perdana Menteri menghadiri sidang kemuncak mini Suruhanjaya Penyelaras Selatan yang bertujuan meningkatkan hubungan Selatan-Selatan.

Persidangan itu turut dihadiri ketua-ketua kerajaan Afrika Selatan, Algeria, Jamaica dan Nigeria.

-- BERNAMA

MAM NHA ZS LAT